

## **TRADISI MUNJUNG MEKAR DALAM MASYARAKAT JAWA**

Oleh: Amirah binti Mohd Zin, 1171069,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 23 Ogos 2020*

Sebut sahaja masyarakat Jawa, satu perkara yang pasti tidak asing bagi mereka adalah punjungan atau amalan munjung iaitu menghantar juadah kepada sanak-saudara, jiran tetangga sebelum Hari Lebaran.

Yang muda akan menghantar makanan atau juadah istimewa kepada saudara-mara dan jiran tetangga.

Tradisi turun-temurun masyarakat Jawa ini tidak pernah sesekali dilupakan oleh generasi muda meskipun zaman berubah dan ia masih diteruskan sehingga kini.

Amalan munjung bertujuan menyampaikan salam ibu bapa kepada penerima di samping mengeratkan hubungan antara satu sama lain.

Tambahan pula, amalan munjung tidak hanya terhad kepada saudara-mara dan jiran tetangga tetapi kepada rakan-rakan juga.

Lebih menarik apabila munjung diambil daripada perkataan 'mengunjungi'. Mungkin ramai yang tidak tahu termasuk anak-anak muda masyarakat Jawa sendiri bahawa munjung berasal daripada perbuatan mengunjungi.

Tradisi munjung kini sedikit berbeza dengan apa yang dilakukan pada zaman dahulu. Jika dahulu munjung dibuat sehari sebelum Hari Raya Aidilfitri, tetapi kini ia dilakukan seminggu sebelum 1 Syawal.

Munjung yang dibuat sehari sebelum hari raya bertujuan memastikan orang tua ada makanan untuk dimakan dan tidak perlu bersusah payah memasak.

Sementara itu, munjung yang dibuat seminggu sebelum Aidilfitri adalah untuk memberi peluang kepada mereka yang ingin pulang ke kampung membawa juadah tersebut supaya dapat dikongsi dengan jiran tetangga.

Meskipun terdapat sedikit perbezaan antara dahulu dan sekarang tetapi tradisi ini tidak berubah secara keseluruhan. Yang berbeza cuma tempoh pemberian munjung.

Juadah yang menjadi kebiasaan untuk tradisi munjung adalah ketupat nasi, rendang, kuah kacang dan sambal goreng jawa.

Sambal goreng jawa merupakan juadah yang 'wajib ada' dan merupakan pelengkap kepada juadah-juadah lain.

Tidak dinafikan juadah munjung seakan-akan serupa dengan juadah pada hari raya kerana ada ketupat, rendang dan kuah kacang.

Yang membezakannya hanyalah sayur lodeh untuk hari raya manakala sambal goreng jawa untuk punjungan.

Sebenarnya, juadah munjung tidak terhad dengan makanan-makanan seperti ketupat, rendang, kuah kacang dan sambal goreng jawa sahaja.

Hal ini kerana, juadah munjung boleh ditambah dengan makanan-makanan lain mengikut kemampuan dan rezeki mereka yang memberi.

Biarpun makanan yang diberi itu sedikit tetapi memadai untuk memeriahkan dan mengeratkan lagi silaturahim antara saudara-mara dan jiran tetangga.

Jadi, tidak hairanlah masyarakat Jawa sangat sinonim dengan sikap pemurah. Tradisi amalan munjung ini juga bukti mereka sangat suka memberi dan berkongsi rezeki yang ada.

Maka, adalah menjadi tanggungjawab generasi muda kini untuk terus mengamalkan punjungan atau amalan munjung agar ia berkekalan sampai bila-bila.



*Punjungan yang sedia untuk dihantar ke saudara-mara, jiran tetangga dan rakan-rakan.*



*Sambal goreng jawa pelengkap punjungan.*